

# UMNO laksana peraturan sedia ada pada pemilihan September

Oleh ZULKIFLI ABDULLAH  
dan NAZERI NONG SAMAH

KUALA LUMPUR 24 Mei - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, UMNO akan melaksanakan segala peraturan sedia ada dalam menjalankan pemilihan pucuk pimpinan parti itu pada September ini.

Pemangku Presiden UMNO berkata, dengan keputusan itu juga parti tidak akan membuat apa-apa perubahan daripada segi jumlah pencalonan yang diterima oleh calon-calon yang boleh menawarkan diri untuk bertanding jawatan naib presiden.

"Pada waktu ini kita tak akan buat apa-apa perubahan lagi. Kita akan mengikut peraturan yang sedia ada yang kita akan pakai...begitulah tadi persetujuan yang telah diambil oleh MT untuk pastikan tidak ada apa-apa masalah yang timbul.

"Kita semua akan patuh pada perbekalan-perbekalan yang ada dalam perlembagaan dan juga peraturan-peraturan mesyuarat yang telah pun dipakai selama ini," katanya pada sidang akhbar selepas mempenyerusikan mesyuarat MT di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini malam ini.

Perdana Menteri ditanya mengenai pandangan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim yang mencadangkan supaya dikaji jumlah mereka yang bertanding jawatan naib presiden bagi mengelakkan politik wang.

Pada mesyuarat yang berlangsung

ng selama kira-kira tiga jam itu, Abdullah memberitahu MT turut bersetuju mengikuti segala peraturan sedia ada bagi memastikan tidak timbul apa-apa masalah.

Ketika mengulas laporan media asing kononnya beliau dipengaruhi oleh menantunya, Khairy Jamaluddin dalam membuat sesuatu dasar kerajaan, Abdullah menegaskan, 100 peratus keputusan yang dibuat bagi pihak kerajaan dilakukannya sendiri selaku Perdana Menteri tanpa dipengaruhi oleh sesiapa pun.

Khairy sebelum ini bertugas sebagai Timbalan Setiausaha Sulit kepada Perdana Menteri.

"Keputusan yang saya buat adalah keputusan saya, dia (Khairy) hanyalah sebagai pembantu saya.

"Macam mana yang dia tahu (media asing) Khairy terlibat dengan keputusan-keputusan yang saya buat," soal Abdullah.

Perdana Menteri memberitahu, beliau tidak menghadapi sebarang masalah untuk bekerja dengan menantunya itu malah perhubungan mereka tidak bercanggah antara bapa mertua dan menantu.

Ditanya mengenai tindakan Khairy meletakkan jawatannya, kata Abdullah, itu adalah pilihannya sendiri dan beliau tidak mahu mengganggu dan menahannya daripada berbuat demikian.

Pada mesyuarat itu, Abdullah juga memaklumkan kepada ahli-ahli MT mengenai lawatannya ke China yang dijadualkan akhir bulan ini.

"Kesempatan ini adalah untuk

menjalinkan hubungan yang lebih erat antara Malaysia dan China.

"Ia juga untuk menjalinkan kerjasama berkaitan dengan ekonomi, budaya dan pendidikan," ujarnya.

Pada masa yang sama, Abdullah yang juga Menteri Kewangan memberitahu, ekonomi negara kini berada dalam keadaan yang kukuh pada suku pertama tahun ini.

Menurutnya, beliau gembira dan bersyukur dengan pencapaian dan kejayaan itu dengan nilai eksport dan rizab negara kini berada pada tahap yang tinggi.

Tanpa memberitahu nilai eksport dan rizab itu, katanya, pencapaian tersebut adalah yang paling tinggi dikecapi negara sejak merdeka.

"Selain itu, Perdana Menteri berkata, beliau turut memaklumkan kepada MT mengenai tindakannya menghantar surat kepada lima kuasa besar iaitu Amerika Syarikat, United Kingdom, Perancis, Rusia dan China berkaitan dengan Pakistan dan Iraq.

"Saya jelaskan kandungan surat mengenai isu-isu berkenaan selaku Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM).

"Tindakan ini dibuat bagi membandingkan kehendak kita supaya keamanan berlaku di Palestin serta mahukan PBB memainkan peranan yang lebih besar di Iraq sebelum pilihan raya diadakan pada Januari 2005," jelasnya.